

NO SOALAN :55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG
(HULU RAJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2015

Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (*Goverment Housing Loan*) yang tidak membenarkan pasangan suami isteri untuk membuat pinjaman bersama disebabkan masing-masing bekerja dengan Kerajaan Persekutuan dan negeri.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pinjaman Perumahan

Kerajaan pada prinsipnya membenarkan pasangan suami isteri di kalangan penjawat awam Persekutuan dan Negeri untuk membuat pinjaman bersama tertakluk kepada syarat persetujuan Kerajaan Negeri untuk menjadi pemegang gadaian kedua dan Kerajaan Persekutuan menjadi pemegang gadaian pertama.

2. Oleh itu, Kementerian Kewangan pada masa ini tidak perlu untuk mengkaji semula syarat tersebut.